



NEGERI SABAH

(JPAN: 700- 3/501/23 (7 |)

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 22/2014

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI BERTARAF SEMENTARA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan sebagai panduan pemberian Pergerakan Gaji Tahunan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang dilantik bertaraf sementara selepas berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.7/2013 - Program Transformasi Minda pada 1 Mac 2013.

LATAR BELAKANG

2. Perenggan 79, Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bil.9/1991 telah menetapkan bahawa Pegawai yang dilantik pertama kali secara sementara pada atau selepas 1 Januari 1992 akan diberi pergerakan gaji tahunan secara statik atau mendatar selama tempoh tiga (3) tahun sahaja. Selepas tempoh tiga (3) tahun, pergerakan gaji tahunan adalah secara statik dan kedudukan mereka akan dikaji semula (Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.2/1992).
3. Pentadbiran Negeri telah memutuskan untuk membenarkan Pegawai Perkhidmatan Awam yang dilantik bertaraf sementara menerima pergerakan gaji selepas tiga (3) tahun perkhidmatan atas alasan bahawa jawatan-jawatan sementara dalam Perkhidmatan Awam Negeri adalah berbentuk kekal dan berpanjangan, serta menjaga prestasi dan kualiti Perkhidmatan Awam Negeri. Selaras dengan keputusan ini Pentadbiran Negeri telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 6/1996 dan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 2/1997 yang menetapkan bahawa pegawai yang dilantik secara sementara dalam jawatan yang sedia wujud (*established post*) yang lulus Peperiksaan Perkhidmatan dan menghadiri Kursus Induksi Khusus dengan jayanya layak diberi pergerakan gaji.

4. Selaras dengan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.7/2013 - Program Transformasi Minda yang berkuatkuasa pada 1 Mac 2013 yang menetapkan Program Transformasi Minda (PTM) sebagai satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi menggantikan Kursus Induksi Khusus, terdapat keperluan Pentadbiran Negeri untuk menyelaraskan syarat pemberian Pergerakan Gaji Tahunan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang dilantik bertaraf sementara.

SYARAT PERGERAKAN GAJI

5. Pegawai sementara yang telah lulus **Peperiksaan Perkhidmatan** serta hadir dengan jaya **Program Transformasi Minda (PTM)**, diberi **penilaian prestasi yang baik dan diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)** layak dipertimbangkan pergerakan gaji tahunan selepas tempoh tiga (3) tahun perkhidmatan.

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Mac 2013.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini maka Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.6/1996 dan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.2/1997 adalah dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri
Jabatan Ketua Menteri
KOTA KINABALU.

Tarikh: 15 Ogos 2014

s.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88593 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit
Jabatan Audit
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil